

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

SOALAN

DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kajian serta mekanisme baharu yang diketengahkan oleh pihak Kementerian dalam memperkasa Program Agropreneur Muda bagi golongan belia luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Agropreneur Muda (PAM) telah dilancarkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) bermula pada tahun 2016 dan masih diteruskan sehingga kini. PAM dilaksanakan bertujuan bagi membantu golongan muda di antara umur 18 hingga 40 tahun di dalam sektor agromakanan untuk meningkatkan pendapatan dan menarik lebih ramai golongan muda menceburi sektor agromakanan termasuklah golongan muda di luar bandar.
2. Secara amnya, PAM menawarkan tiga (3) perkhidmatan utama iaitu:
 - i. menyediakan bantuan geran berbentuk barangan sehingga RM20,000 bagi setiap projek baharu;

- ii. menyediakan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Khas Agrobank dan TEKUN Nasional sehingga RM200,000 bagi projek pengembangan; dan
 - iii. menyediakan kursus jangka pendek dan khidmat nasihat teknikal dan kewangan melalui jabatan/agensi berkaitan di bawah Kementerian.
3. Untuk makluman, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mengambil langkah proaktif dengan melancarkan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019 – 2020. Dokumen Hala Tuju ini mengandungi lima (5) Hala Tuju yang dibangunkan bersama 18 strategi dan 51 inisiatif untuk dilaksana dalam tempoh 2019 hingga 2020.
4. Pembangunan agropreneur muda telah diberikan keutamaan di dalam Hala Tuju ke 3 iaitu Menjadikan Pertanian sebagai Satu Sumber Pendapatan yang Mampan dan Kukuh serta Menguntungkan untuk Petani, Penternak, Nelayan dan Agropreneur Muda. Melalui Strategi 3 Pembangunan Agropreneur Muda dalam Bidang Agromakanan, Program Agropreneur Muda telah ditetapkan sebagai salah satu inisiatif bagi mencapai hala tuju Kementerian.
5. Sehubungan itu, pelbagai perancangan dan pendekatan telah dilaksana dan akan dilaksana bagi memperkasa Program Agropreneur Muda seperti:
- i. Promosi dan Latihan.***
Aktiviti hebahan dan promosi akan terus dipergiat supaya maklumat program ini dapat disampaikan kepada golongan sasaran dan seterusnya menggalakkan penyertaan golongan muda terutama di kawasan luar bandar. Aktiviti Jelajah Agropreneur Muda (JAM) seluruh negara turut dianjurkan supaya maklumat dan bantuan yang disediakan sampai kepada golongan sasaran. Manakala dari segi latihan, penumpuan akan diberikan kepada latihan peningkatan kemahiran agropreneur muda. Latihan akan terus dipertingkat dan diperkasa seperti penganjuran kursus

persijilan halal, pengurusan syarikat, penjenamaan dan kursus-kursus teknikal dengan kerjasama jabatan dan agensi Kementerian. Selain itu, program kerjasama strategik antara MOA dengan Institut Pendidikan Tinggi (IPT) yang terpilih juga akan dirangka bagi meningkatkan keupayaan dan kemahiran agropreneur muda.

ii. Geran dan Pembiayaan.

Geran Agropreneur Muda (GAM) dan pembiayaan akan memberikan tumpuan ke arah merealisasikan penggunaan agroteknologi dan ekonomi digital di dalam sektor agromakanan. Projek yang berintensifkan automasi dan mekanisasi akan diberikan keutamaan supaya dapat diperkembangkan lagi ke peringkat yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.